

## 19 JANUARI 2018

## Pengurus syarikat direman seminggu

## Segamai

## Pengurus syarikat direman seminggu

Seorang pengurus syarikat swasta yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selasa lalu kerana disyaki mengemukakan tuntutan palsu kepada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Cawangan Segamat, tiga tahun lalu, direman selama seminggu, semalam.

Perintah reman sehingga 23 Januari itu dikeluarkan Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah, Ahmad Shakib Ismail di Mahkamah Majistret Segamat.

Lelaki berusia 37 tahun

itu dilihat tiba di mahkamah jam 10.30 pagi dibawa oleh pegawai SPRM Cawangan Segamat sambil diiringi Pegawai Pendakwa SPRM, Mohd Hasrol Hashim.

Lelaki itu ditahan di pejabat SPRM Johor Cawangan Segamat, jam 3 petang bagi membantu siasatan yang sedang dijalankan.

Hasil siasatan awal, suspek disyaki mengemukakan tuntutan palsu berjumlah RM8,000 kepada AADK Segamat bagi kerja pembekalan untuk program AADK, sedangkan kerja berkenaan tidak dilaksanakan.

Susulan tangkapan itu, SPRM kemudian membuat serbuan di pejabat suspek di Taman Utama, Segamat dan menyita beberapa dokumen berhubung kerja pembekalan terbabit.

Kes terhadap suspek disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 yang membawa hukuman denda lima kali nilai yang terbabit atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi dan penjara maksimum 20 tahun, jika sabit kesalahan.